



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI DEPOT TAHANAN IMIGRESEN, LANGKAP, PERAK

Dikemaskini pada 7 Disember 2020

Waktu Berkuat kuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Dibenarkan dengan bersyarat

Aktiviti dibenarkan

- Kekal berada di dalam Kawasan Depot dan Kuarters
- Mendapatkan rawatan kesihatan

AKTIVITI TIDAK DIBENARKAN

- Pergerakan dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan keluar/masuk ke kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM

Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah Jabatan Imigresen Malaysia dan SOP Depot Tahanan
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan

Penerangan Ringkas

Kawasan yang terlibat

Depot Tahanan Imigresen, Langkap Perak.

Tempoh Kuat kuasa

6 Disember 2020 (12.01 pagi) sehingga 19 Disember 2020 (11.59 malam).

Kawalan Pergerakan

- PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan APM dan RELA.
- Laluan keluar masuk kawasan PKPD **ditutup**.
- Pergerakan keluar masuk pegawai dan staf depot yang bertugas ke dalam kawasan PKPD adalah tidak dibenarkan. Kebenaran hanya boleh diberikan oleh pihak PDRM dan KKM berdasarkan **case to case basis**.
- Tiada tetamu dan pelawat luar dibenarkan masuk sepanjang tempoh PKPD berkuatkuasa.
- Pergerakan keluar masuk untuk perkhidmatan perlu berkaitan pengoperasian depot seperti bekalan bahan mentah, bekalan makanan bermasak, syarikat pengurusan sisa pepejal, syarikat pengurusan sisa klinikal dan lain-lain boleh dibenarkan dengan pertimbangan PDRM dan KKM.

Saluran Makanan dan keperluan

- Bekalan keperluan makan akan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah Hilir Perak.
- Sumbangan keperluan makanan dan barangan dari NGO, ADUN kawasan dan lain-lain akan diselaraskan oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah Hilir Perak.

Aktiviti Dalam Kawasan PKPD

- Aktiviti sosial, keagamaan di masjid/surau dan rumah ibadat bukan Islam, rekreasi dan budaya adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- Saringan secara bersasar kepada staf dan tahanan di dalam kawasan PKPD akan dilaksanakan oleh KKM.
- Lain-lain aktiviti yang ditetapkan oleh Kerajaan.